

02/04/2000

Redzwan berusaha tunai janji

TEMERLOH: Calon Barisan Nasional (BN), Redzwan Harun, yang memenangi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Sanggang, berkata beliau akan berusaha melaksanakan janjinya sepanjang kempen pilihan raya itu.

Ketika berucap selepas kemenangannya diumumkan di Dewan Tun Razak, di sini malam tadi, Redzwan berkata, kemenangannya dengan majoriti 1,963 adalah hasil kerjasama semua pihak, terutama kepercayaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang memilihnya sebagai calon BN.

Beliau berkata, kerja keras sepanjang kempen yang dilakukan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob dan pemimpin BN lain, termasuk daripada parti komponen MCA, MIC, Gerakan dan PPP, menghasilkan kejayaan cemerlang ini.

"Saya mengucapkan terima kasih terhadap sokongan peringkat Pusat dan negeri, terutama kepada Perdana Menteri yang memberi kepercayaan kepada saya, bantuan daripada Timbalan Perdana Menteri, pemimpin parti komponen dan Adnan yang sentiasa memberi nasihat dan panduan kepada saya menghadapi cabaran pilihan raya kecil ini.

"Selepas ini, saya akan cuba melaksanakan perkara yang dijanjikan kepada pengundi di DUN Sanggang sepanjang kempen lalu," katanya.

Mengulas kemenangan Redzwan, Adnan berkata, kemenangan BN mengekalkan kerusi Sanggang memberi semangat baru kepada kerajaan BN Pahang untuk memberi khidmat kepada rakyat tanpa mengira bangsa dan agama.

Beliau yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pahang, menyifatkan kemenangan Redzwan sebagai kemenangan pengundi kawasan DUN Sanggang dan rakyat Pahang secara amnya.

"Majoriti 1,963 undi berbanding 1,038 pada pilihan raya umum lalu, memperlihatkan rakyat bertambah yakin dengan kepemimpinan BN dan kita tidak akan mempersiapkan kepercayaan yang diberikan," katanya dalam sidang akhbar selepas keputusan pilihan raya kecil itu.

(END)